



# KOPI PAHIT

Pada malam Jumaat 26 Februari, pendengar-pendengar radio Singapura yang sedang menunggu-nunggu siaran ruangan tafsir al-Qur'an seperti biasa telah berasa hampa dan kesal serta terperanjat bahawa ruangan itu ditiadakan malam itu kerana nampaknya diambil untuk menyiarkan ucapan Perdana Menteri Singapura membidas Perikatan. Orang tertanya-tanya mengapa ruangan tafsir al-Qur'an diambil – tidak ruangan yang lain. Mungkin, ia barangkali kerana ruangan agama tidak mustahak. Betulkah begitu? Tahu sama tahu!

\* \* \*

Orang-orang Islam di Burma sudah beberapa tahun tidak dapat menunaikan fardu haji kerana sekatan-sekatan ekonomi sosialis negeri itu. Walaupun haji sebagai kewajipan yang mesti disempurnakan oleh orang-orang Islam namun demikian tidak dipandang dan dibuat masa bodoh oleh kerajaan Burma yang berdasar dengan *sosialist* itu. Jadi kalau Singapura atau Tanah Melayu orang *sosialist* yang memerintah tentunya kelak orang-orang Islam di sini tidak dibolehkan menunaikan fardu haji. Kalau begitu harus beringat-ingat dan jauhilah ajaran *sosialist* kalau mahu selamat.

\* \* \*

Seluruh kerajaan Arab menentang hebat ke atas ahudi dan memandang musuh kepada mana-mana kerajaan yang mahu bantu Yahudi. Di dalam perkembangan Malaysia kerajaan pusat berikhtiar sedapat-dapatnya merapatkan lagi hubungan dengan negara-negara Arab sehingga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan berangkat ke negara-negara Arab sesudah menunaikan fardu haji untuk merapatkan lagi hubungan negara Arab dengan Malaysia - bahkan negara-negara Arab di antaranya banyak membantu Malaysia dalam perkembangan agama rasminya

(Islam). Tetapi malangnya negara Singapura menerima orang-orang Yahudi memimpin pemuda-pemudanya dan menjadi perancang – bahkan menerima pula hubungan baik-baik dengan negara Israel dengan menghantar rombongan dan pelajar-pelajar ke sana. Apakah pusat tidak memerhatikan hal ini?

\* \* \*

Surat khabar- surat khabar di Indonesia banyak ditutup kerana mereka membidas komunis. Kalau bergitu ertinya Indonesi sekarang sudah jadi komunis? Bagaimana Nahdatul Ulama yang sekarang bekerjasama dengan musuh Islam itu? Ya! Bungkam sebab masih mahu jadi pemimpin yang senang berfoya-foya! Begitu?

\* \* \*

Negara Malaysia menghadapi darurat – pertahanan berhajat kepada wang, berbagai-bagai cukai diadakan untuk menutup perbelanjaan. Kakitangan kerajaan meminta gaji naik – ertinya mereka mahu cukai naik lagi. Kerajaan mesti mencermatkan wang – malangnya di dalam masa itu, Menteri-menteri tidak seorang pun “yang bertimbang rasa” untuk memotong ‘gaji’ mereka dan wakil-wakil rakyat pun sama juga, ada pun rancangan mahu buat rumah peranginan untuk mereka. Elaun-elaun mintak ditambah untuk kepentingan diri masing-masing. Dalam soal-soal seperti ini masing-masing: diam-diam jadiah!! Rakyat kan yang memikul bukan mereka.

\* \* \*

Di Steel Road Singapura telah berdiri sekolah menengah campuran yang baharu – ertinya murid-murid di situ bercampur di antara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan. Sekeliling sekolah itu ada lagi “Sekolah Dewasa” yang tiap-tiap malam didatangi oleh pengunjung-pengunjung yang tidak putus putusnya sebab banyak rumah-rumah di situ rumah “ibu ayam” apakah dengan adanya sekolah untuk anak-anak kerajaan Singapura tidak mengadakan pembersihan terhadap rumah-rumah “ibu ayam” di situ yang kurang baik dipandang oleh mereka?

**Cemeti al-Farouk**

<sup>1</sup> Perkataan sebenar tidak dapat dikesan